

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 OCTOBER 2016

# Projek HSR, MRT dan LRT tetap diteruskan

UM - 18/10/2016

**KUALA LUMPUR 17 Okt.** - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan komited dan serius dalam usaha mentransformasikan industri pengangkutan awam darat negara.

Sejajar dengan komitmen itu, Perdana Menteri berkata, peruntukan perbelanjaan kerajaan dalam fokus tersebut tidak akan terjejas walaupun dalam situasi ketidakpastian ekonomi global khususnya dalam meningkatkan tahap kesalinghubungan rel di bandar yang dinikmati rakyat ketika ini.

Justeru beliau menjelaskan, projek-projek infrastruktur utama seperti Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) ke Singapura, Mass Rapid Transit (MRT) dan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) akan diteruskan untuk masa depan negara demi memberi kemudahan kepada rakyat

dan generasi akan datang.

“Walaupun dalam keadaan ekonomi mencabar ketika ini, kita telah merasionalisasikan perbelanjaan kerajaan, namun ini tidak melibatkan sistem penyampaian kerajaan dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Keutamaan itu dibuat demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Laporan Lima Tahun Transformasi Pengangkutan Awam Darat oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sempena Simposium Pengangkutan Awam Darat 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar.

Najib berkata, kerajaan telah membuat pelaburan lebih RM70 bilion dalam inisiatif untuk mempertingkatkan secara drastik sistem pengangkutan awam darat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan memberitahu, dalam usaha untuk mendapat pulangan berganda melalui pelaburan itu, pelaksanaan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (NLPT-MP) meletakkan sasaran untuk mencapai 40 peratus perkongsian mod pengangkutan awam menjelang 2030.

“Kita yakin projek *Greater Kuala Lumpur* boleh mencapai 30 peratus daripada sasaran itu dalam tempoh lima tahun lagi berdasarkan tahap peratusannya yang meningkat daripada 10 peratus pada 2009 kepada 20 peratus pada tahun lalu,” ka-

tanya.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, kajian yang dilaksanakan SPAD mendedahkan tahap kepuasan pengguna pengangkutan awam meningkat daripada 48 peratus pada 2010 kepada 74 peratus pada tahun lalu.

Kata beliau, kajian itu turut menunjukkan tahap puas hati pengguna adalah tinggi bagi sistem perkhidmatan rel seperti LRT, KTM Komuter dan Express Rail Link (ERL) sekali gus menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam bandar.

“Sejarah akan dicipta dengan pelancaran MRT 1 tidak lama lagi yang menghubungkan jarak 51 kilometer melibatkan 31 stesen yang akan memanfaatkan 1.2 juta penduduk di kawasan liputannya,” katanya.